

FORMAT K
PERJANJIAN PERKHIDMATAN, KERJA DAN PEMBEKALAN
MAJLIS PERBANDARAN KAJANG

(LANGGANAN SISTEM)

a. Bahagian Teknologi Maklumat.

- i. Perkhidmatan Langganan Sistem Untuk Majlis Perbandaran Kajang.

**JABATAN UNDANG-UNDANG (JUU)
MAJLIS PERBANDARAN KAJANG**

SENARAI SEMAK DOKUMEN PERJANJIAN PERKHIDMATAN/KERJA / PEMBEKALAN

ARAHAN : SILA PASTIKAN SENARAI SEMAK INI DILENGKAPKAN BERSERTA DOKUMEN

Nama Kontraktor : _____
Alamat Kontraktor : _____
No. Telefon : _____
Tajuk Kontrak : _____
Lokasi : _____
No. Fail Jabatan : _____

DOKUMEN YANG DIPERLUKAN :

- 1 Empat (4) salinan dokumen Perjanjian yang telah lengkap ditandatangani oleh Kontraktor
 - 2 Salinan Surat Setuju Terima Sebut Harga atau Tender/ Surat Tawaran
 - 3 Salinan Surat Akuan Penerimaan Tawaran
 - 4 Salinan Pendua Resit Bayaran Fi Perjanjian
 - 5 Salinan Borang Sebut Harga atau Tender/ Perakuan Sebut Harga atau Tender
 - 6 Spesifikasi Perkhidmatan / Kerja / Pembekalan
 - 7 Salinan Dokumen Atau Resit Bayaran Bon Pelaksanaan (Jika ada)
 - 8 Salinan Insurans Tanggungan Awam
 - 9 Salinan Pelan Lokasi (Jika berkaitan)
 - 10 Salinan Kad Pengenalan Kontraktor (Individu / Pengarah Syarikat / Pemilik Perniagaan)
 - 11 Jika Kontraktor berdaftar di bawah Akta Syarikat 1965 / Akta Syarikat 2016 :
 - Salinan Profil Syarikat yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang mengandungi maklumat syarikat, maklumat modal, maklumat pengarah dan pegawai, maklumat pemegang syer, maklumat gadai dan pernyataan kewangan, atau
 - 12 Jika Kontraktor Berdaftar di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 :
 - Salinan Diakui Sah Borang D/E berserta maklumat pemilik perniagaan
 - 13 Apa-apa dokumen lain mengikut keperluan jadual dan lampiran dalam perjanjian (Sila nyatakan)

Diisi Oleh Kontraktor	Semakan Jabatan	Diisi Oleh JUU
<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>
<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>
<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>
<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>
<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>
<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>
<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>
<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>
<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>
<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>
<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>
<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>
<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>
<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>
<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>
<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>
<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>
<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>

UNTUK KEGUNAAN JABATAN DALAMAN SAHAJA.

- 1) Pengesahan daripada Jabatan Dalaman bagi melengkapkan senarai dokumen.
Ulasan (Jika ada)

CAP JABATAN

UNTUK KEGUNAAN JABATAN UNDANG-UNDANG SAHAJA.

- 2) Pengesahan daripada Jabatan Undang-Undang (JUU) bagi penyempurnaan tandatangan Perjanjian.

 - a) Dokumen Lengkap
 - b) Dokumen tidak lengkap

2

Disemak Oleh :

Tandatangan & Cop

Tarikh : _____

CAP JUU

**PERJANJIAN PEROLEHAN INFORMATION TELECOMMUNICATION
TECHNOLOGY (ICT) DI MAJLIS PERBANDARAN KAJANG**

No. Kontrak : Sepertimana yang dinyatakan dalam **Perkara 1 Jadual Pertama** Perjanjian ini.

PERJANJIANINI DIBUAT pada hari dan tahun sepertimana yang dinyatakan dalam **Perkara 2 Jadual Pertama** Perjanjian ini di antara pihak yang bernama dan beralamat sepertimana yang dinyatakan dalam **Perkara 3 Jadual Pertama** Perjanjian ini (selepas ini disebut “**MPKj**”) sebagai satu pihak dan pihak yang bernama dan beralamat sepertimana yang dinyatakan dalam **Perkara 4 Jadual Pertama** Perjanjian ini (selepas ini disebut “**Kontraktor**”) sebagai pihak yang satu lagi.

BAHAWASANYA:-

- A. MPKj adalah Pihak Berkuasa Tempatan yang mempunyai bidang kuasa dan kebenaran untuk melantik mana-mana pihak sebagai kontraktor bagi melaksanakan Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan sepertimana dinyatakan secara khusus dalam **Perkara 5 Jadual Pertama** Perjanjian ini (selepas ini disebut “**Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut**”) di Majlis Perbandaran Kajang.
- B. Kontraktor adalah sebuah syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan berpengalaman dalam bidang Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan sepertimana yang dikehendaki oleh MPKj dan merupakan kontraktor bebas.
- C. MPKj telah bersetuju meluluskan pelantikan Kontraktor untuk melaksanakan Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut.
- D. Berdasarkan perkara-perkara di atas, melalui satu **Surat Setuju Terima** bertarikh sepertimana dinyatakan dalam **Perkara 6 Jadual Pertama** Perjanjian ini (selepas ini disebut “**Surat Setuju Terima tersebut**”), MPKj telah melantik Kontraktor dan Kontraktor telah bersetuju menerima pelantikan untuk melaksanakan Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut melalui **Surat Akuan Penerimaan** bertarikh sepertimana dinyatakan dalam **Perkara 6 Jadual Pertama** Perjanjian ini tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang terkandung di dalam Surat Setuju Terima tersebut (sesalinan dilampirkan sebagai **LAMPIRAN A**) dan juga tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat Perjanjian ini, termasuk juga apa-apa peruntukan dan peraturan mana-mana undang-undang dan undang-undang subsidiari yang digubal dan akan digubal kelak.

MAKA DENGAN INI ADALAH DIPERSETUJUI seperti berikut:

KLAUSA 1 - TAKRIF

Dalam syarat-syarat Perjanjian ini, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain, istilah-istilah di bawah ini akan membawa maksud seperti berikut:-

- 1.1 **“Jadual Bayaran”** maksudnya jadual bayaran Nilai Kontrak kepada Kontraktor berdasarkan progres kemajuan kerja mengikut fasa pembangunan Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut seperti yang ditunjukkan secara khusus dalam **LAMPIRAN B** Perjanjian ini;
- 1.2 **“Jadual Pelaksanaan”** maksudnya jadual pelaksanaan Perkhidmatan/Kerja/Pembekalan seperti yang ditunjukkan dalam **LAMPIRAN C** Perjanjian ini;
- 1.3 **“Nilai Kontrak”** maksudnya jumlah bayaran yang kena dibayar kepada Kontraktor oleh MPKj untuk melaksanakan kontrak ini sepetimana yang dinyatakan dalam **Perkara 8 Jadual Pertama** Perjanjian ini dan nilainya adalah jumlah keseluruhan kos untuk perkara-perkara yang terdapat dalam **LAMPIRAN B** Perjanjian ini;
- 1.4 **“Notis Terimaan”** maksudnya suatu akuan yang dikeluarkan apabila MPKj telah berpuas hati dengan ujian penerimaan dan Kontraktor telah memenuhi semua obligasi yang ditetapkan dalam Perjanjian ini;
- 1.5 **“Perjanjian”** maksudnya Perjanjian ini yang dipersetujui antara MPKj dengan Kontraktor pada tarikh yang disebut di atas dan mengandungi lampiran-lampiran dan jadual-jadual yang dilampirkan yang juga merupakan sebahagian daripada Perjanjian ini;
- 1.6 **“Sistem”** maksudnya sistem yang disediakan oleh Kontraktor dan dilanggan atau digunakan oleh MPKj sepetimana yang dinyatakan dalam **Perkara 7 Jadual Pertama** Perjanjian ini;
- 1.7 **“Spesifikasi Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan”** maksudnya merangkumi spesifikasi dan skop Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan yang kena dilaksanakan oleh Kontraktor seperti yang dinyatakan secara khusus dalam **Klausa 4** dan **LAMPIRAN D** Perjanjian ini;
- 1.8 **“Syarat-Syarat Tambahan”** maksudnya perkara-perkara selain daripada Spesifikasi Perkhidmatan / Kerja / Pembekalan yang perlu dipatuhi oleh Kontraktor semasa melaksanakan Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut seperti di **LAMPIRAN E** Perjanjian ini (jika ada);
- 1.9 **“Tarikh Penerimaan Pemasangan”** maksudnya Sistem telah melalui ujian *User Acceptance Test (UAT)* dan MPKj telah berpuas hati terhadap fungsi-

fungsi setiap modul yang telah dibangunkan atau dinaik taraf mengikut fasa dalam Jadual Pelaksanaan seperti di **LAMPIRAN C** Perjanjian ini;

- 1.10 “**Tempoh Jaminan**” maksudnya tempoh selepas Notis Terimaan bagi Sistem tersebut dikeluarkan oleh MPKj kepada Kontraktor sepetimana dinyatakan dalam **Perkara 12 Jadual Pertama** Perjanjian ini; dan
- 1.11 “**Ujian Penerimaan**” maksudnya ujian *User Acceptance Test (UAT)* dan *Final Acceptance Test (FAT)* yang dijalankan oleh kedua-dua belah pihak ke atas Sistem tersebut yang telah dipasang untuk memastikan bahawa Sistem yang dipasang mematuhi dan memenuhi keperluan MPKj dari segi prestasi, kualiti dan fungsi.

KLAUSA 2 - BALASAN

- 2.1 Bagi tujuan Perjanjian ini dan **TERTAKLUK SENTIASA BAHAWA** Kontraktor telah memenuhi syarat-syarat dan terma-terma di dalam Perjanjian ini, MPKj akan, sebagai balasan kepada Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut, membayar Nilai Kontrak kepada Kontraktor seperti jumlah yang dinyatakan dalam **Perkara 8 Jadual Pertama** Perjanjian ini. Pembayaran akan dibuat kepada Kontraktor berdasarkan Jadual Bayaran dalam **LAMPIRAN B** Perjanjian ini.
- 2.2 Sebagai balasan bagi bayaran yang akan dibuat oleh MPKj kepada Kontraktor sepetimana yang disebut dalam **Klausula 2.1** di atas, Kontraktor dengan ini berwaad dengan MPKj untuk melaksanakan Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut menepati semua perkara berhubung dengan peruntukan-peruntukan Perjanjian ini.

KLAUSA 3 -TEMPOH PERJANJIAN

- 3.1 Perjanjian ini hendaklah mula berkuat kuasa mengikut tempoh sepetimana yang dinyatakan dalam **Perkara 9 Jadual Pertama** Perjanjian ini (selepas ini disebut “**Tempoh Perjanjian**”).
- 3.2 Notis Terimaan akan dikeluarkan dalam tempoh tiga (3) bulan setelah *Final User Acceptance Test (FAT)* sepetimana yang disebut dalam **Klausula 12.1.2** Perjanjian ini.
- 3.3 Kontraktor sebelum tamatnya Tempoh Perjanjian ini boleh memohon kepada MPKj secara bertulis untuk melanjutkan Tempoh Perjanjian dan MPKj mempunyai kuasa mutlak sama ada untuk menimbang atau tidak permohonan pelanjutan tersebut. Sekiranya permohonan pelanjutan tersebut dipertimbangkan oleh MPKj, kedua-dua pihak boleh membincangkan syarat-syarat dan terma-terma berhubung dengan lanjutan Tempoh Perjanjian ini.

- 3.4 Sekiranya tiada persetujuan dicapai oleh kedua belah pihak berhubung dengan syarat-syarat dan terma-terma bagi tempoh lanjutan tersebut, maka Perjanjian ini akan tamat secara automatik pada tarikh tamat Tempoh Perjanjian sebagaimana dinyatakan dalam **Klausa 3.1** di atas.

KLAUSA 4 - SKOP PERKHIDMATAN/ KERJA/ PEMBEKALAN

- 4.1 Adalah dipersetujui dan diterima bahawa dalam tempoh seperti mana yang ditetapkan dalam **Klausa 3** di atas, Kontraktor akan bertanggungjawab sepenuhnya untuk:
- i. menyediakan Sistem tersebut seperti mana yang dikehendaki oleh MPKj berdasarkan Jadual Pelaksanaan dalam **LAMPIRAN C** Perjanjian ini;
 - ii. melaksanakan Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut mengikut Spesifikasi Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan dalam **LAMPIRAN D** Perjanjian ini; dan
 - iii. melaksanakan Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut mengikut Syarat-Syarat Tambahan dalam **LAMPIRAN E** Perjanjian ini.

- 4.2 Kontraktor hendaklah melaksanakan kerja-kerja penyenggaraan Sistem tersebut dalam Tempoh Jaminan menurut **Klausa 14** Perjanjian ini.

KLAUSA 5 - TERMA PEMBAYARAN

- 5.1 **TERTAKLUK SENTIASA** kepada peruntukan di bawah **Klausa 11**, Kontraktor hendaklah menuntut bayaran dengan mengemukakan invois lengkap berdasarkan format yang ditetapkan dan diterima oleh MPKj berserta dengan dokumen yang berkaitan kepada MPKj dalam tempoh **TIGA PULUH (30) hari** setelah Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut siap mengikut Jadual Pelaksanaan dalam **LAMPIRAN C** Perjanjian ini. Sekiranya Kontraktor gagal menuntut bayaran dalam tempoh yang ditetapkan, MPKj berhak mengenakan denda lewat kepada Kontraktor mengikut kadar yang akan ditentukan oleh MPKj. Denda lewat akan dikira selepas tarikh akhir tuntutan bayaran yang sepatutnya dikemukakan oleh Kontraktor kepada MPKj sehingga tuntutan bayaran diterima oleh MPKj sebagaimana dikehendaki. MPKj juga berhak melewatkhan bayaran yang dituntut kepada bulan berikutnya atau kepada satu tarikh lain menurut budibicara MPKj tanpa bertanggungan terhadap apa-apa faedah tuntutan atau kerugian atas apa-apa sebab sekalipun.

- 5.2 MPKj akan membuat bayaran kepada Kontraktor dalam tempoh **TIGA PULUH (30) HARI** dari tarikh penerimaan invois lengkap, mengikut Jadual Bayaran dalam **LAMPIRAN B** Perjanjian ini.
- 5.3 Walau apapun hak-hak lain yang dimiliki oleh MPKj di bawah undang-undang, MPKj berhak untuk memotong apa-apa wang yang kena dibayar oleh MPKj sebagai tolakan daripada apa-apa wang yang perlu dibayar dan terhutang oleh Kontraktor kepada MPKj di bawah Perjanjian ini jika Kontraktor gagal memenuhi tanggungjawab atau melakukan apa-apa perlanggaran terma-terma dan syarat-syarat Perjanjian ini.
- 5.4 Pembayaran atau penolakan pembayaran kepada Kontraktor tidak boleh dianggap sebagai perakuan mutlak bahawa Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut adalah mengikut kualiti, spesifikasi dan apa-apa syarat yang dikehendaki di bawah Perjanjian ini.

KLAUSA 6 - BON PELAKSANAAN (JIKA BERKENAAN)

- 6.1 Kontraktor mengaku janji dan bersetuju untuk mendepositkan wang cagaran berjumlah sebagaimana yang dinyatakan secara khusus dalam **Perkara 10 Jadual Pertama** Perjanjian ini sebagai Bon Pelaksanaan sebelum termeterainya Perjanjian ini (resit penerimaan diperakui diterima oleh MPKj). Bon Pelaksanaan tersebut hendaklah dalam bentuk Draf Bank atau tunai atau apa-apa bentuk yang ditetapkan oleh MPKj dan hendaklah sah bermula dari tarikh mula Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut sehingga Tempoh Tanggungan Kecacatan bagi Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut tamat.
- 6.2 Bon Pelaksanaan tersebut hendaklah dituntut oleh Kontraktor dalam masa dua belas (12) bulan selepas tamat Tempoh Membaiki Kecacatan bagi Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut dan sekiranya Kontraktor tidak membuat tuntutan tersebut dalam tempoh yang ditetapkan, maka Bon Pelaksanaan tersebut akan dijadikan hasil MPKj dan dikira hangus atau lopus dan tidak perlu dikembalikan semula oleh MPKj kepada Kontraktor dalam apa juga keadaan pun.
- 6.3 MPKj berhak untuk memotong keseluruhan atau apa-apa amaun daripada Bon Pelaksanaan yang dikemukakan oleh Kontraktor menurut **Klausua 6.1** di atas sekiranya Kontraktor gagal, enggan dan/atau cuai mematuhi apa-apa terma dan syarat Perjanjian ini.
- 6.4 Tertakluk kepada **Klausua 6.3** di atas, Kontraktor hendaklah mendepositkan semula keseluruhan atau baki Bon Pelaksanaan yang telah dipotong oleh MPKj sebagaimana jumlah yang dikehendaki di dalam **Klausua 6.1** Perjanjian ini.

KLAUSA 7 - REPRESENTASI DAN WARANTI

- 7.1 Kontraktor dengan ini membuat representasi dan waranti kepada MPKj bahawa; -
- 7.1.1 ia adalah sebuah syarikat berdaftar di bawah undang-undang Malaysia;
 - 7.1.2 ia mempunyai kuasa untuk memasuki dan melaksanakan tanggungjawab serta urusan di bawah Perjanjian ini;
 - 7.1.3 ia telah mengambil langkah-langkah yang perlu bagi memasuki dan melaksanakan tanggungjawab serta urusan di bawah Perjanjian ini;
 - 7.1.4 pada tarikh pelaksanaan Perjanjian ini, semua tindakan yang diambil dan/ atau dilakukan atau mana-mana transaksi yang terkandung di dalam Perjanjian ini tidak akan mencabuli mana-mana peruntukan di dalam ;
 - 7.1.4.1 Memorandum dan Artikel Pertubuhannya; atau
 - 7.1.4.2 mana-mana dokumen atau perjanjian yang mengikatnya atau asetnya;
 - 7.1.5 ia adalah sebuah syarikat yang berdaftar pada setiap masa dengan Kementerian Kewangan melainkan diberikan pengecualian secara bertulis oleh MPKj; dan
 - 7.1.6 tiada sebarang litigasi, tuntutan cukai, timbang tara, pertikaian atau prosiding sedang atau akan berlangsung yang pada pengetahuannya akan memberi kesan negatif terhadap keupayaan kewangan atau tanggungjawabnya di bawah Perjanjian ini.
- 7.2 Kontraktor mengambil maklum bahawa MPKj telah memasuki Perjanjian ini berdasarkan representasi dan waranti di atas.

KLAUSA 8- WARANTI AM

- 8.1 Walau apapun peruntukan waranti di dalam **Klausa 7** di atas, sebagai tambahan, Kontraktor mengaku janji bahawa;
- 8.1.1 ia tidak mempunyai apa-apa pengetahuan, pada tarikh Perjanjian ini, tentang apa-apa perkara yang di dalam kawalan semunasabahnya yang mungkin atau akan sebaliknya menjelaskan keupayaan untuk menjalankan obligasi-obligasinya di bawah Perjanjian ini dan bahawa ia

- mempunyai kepakaran dan kemahiran untuk menjalankan obligasi-obligasinya di bawah Perjanjian ini;
- 8.1.2 penggunaan peralatan, perisian dan mana-mana bahagian daripadanya tidak akan melanggar undang-undang yang terpakai;
- 8.1.3 pemakaian mana-mana peralatan dan perisian adalah bebas daripada semua virus dan pencemaran; dan
- 8.1.4 mana-mana spesifikasi perisian yang diperuntukkan oleh Kontraktor tidak melanggar mana-mana hak cipta, tanda perniagaan dan hak intelek mana-mana pihak ketiga dan Kontraktor hendaklah menanggung rugi segala kos.
- 8.2 Waranti yang diperuntukkan dalam Klausula ini hendaklah terus wujud selepas penamatkan atau peluputan Perjanjian ini.

KLAUSA 9 - PERUBAHAN KADAR DUTI DAN CUKAI

- 9.1 Adalah diperakurkan oleh Kontraktor bahawa sebarang perubahan pada mana-mana kadar duti kastam, cukai jualan, cukai tokok atau mana-mana cukai lain yang berkenaan yang menyebabkan perubahan pada harga mana-mana peralatan dan perisian di bawah Perjanjian ini tidak akan menjaskannya nilai kontrak.
- 9.2 Walau apapun peruntukan **Klausula 9.1** di atas, pihak-pihak kepada Perjanjian ini bersetuju bahawa apa-apa pembekalan perkhidmatan dalam Perjanjian ini adalah tertakluk kepada Cukai Jualan dan Perkhidmatan.

KLAUSA 10 - PENYERAHAN

- 10.1 Kontraktor hendaklah menyediakan satu dokumen lengkap bagi penyerahan Sistem tersebut kepada MPKj dan sebarang lanjutan kepada tempoh penyerahan hendaklah dipersetujui oleh MPKj secara bertulis.
- 10.2 Kontraktor hendaklah menghantar sekurang-kurangnya dua (2) salinan surat pengakuan penyerahan. Setiap salinan hendaklah diperakui oleh MPKj dan satu (1) salinan dikembalikan kepada Kontraktor apabila Sistem tersebut diterima.

**KLAUSA 11 - GANTI RUGI KERANA LEWAT MEMBUAT PENYERAHAN ATAU
GAGAL MENYEMPURNAKAN**

- 11.1 Sekiranya Kontraktor gagal menyempurnakan Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut dalam tempoh yang ditetapkan dalam Jadual Pelaksanaan seperti di **LAMPIRAN E** Perjanjian ini dan juga apa-apa tempoh lanjutan yang dipersetujui, Kontraktor hendaklah membayar kepada MPKj gantirugi mengikut formula yang ditetapkan sepetimana butir-butir yang dinyatakan dalam **Perkara 11 Jadual Pertama** Perjanjian ini dikira bermula daripada tarikh terjadinya penangguhan sehingga penyempurnaan Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut.
- 11.2 MPKj dengan tanpa prasangka terhadap kaedah membaikpulih, berhak menolak jumlah ganti rugi yang ditetapkan tersebut daripada baki tertunggak atau jumlah yang harus dibayar kepada Kontraktor. Walau bagaimanapun, pembayaran dan penolakan ganti rugi yang ditetapkan tidak akan melepaskan Kontraktor daripada tanggungjawab menyempurnakan Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut atau daripada sebarang tanggungjawab dalam Perjanjian ini.

**KLAUSA 12 - UJIAN PENERIMAAN, TARIKH PENERIMAAN PEMASANGAN DAN
PENTAULIAHAN (JIKA BERKAITAN)**

- 12.1 Ujian Penerimaan Sistem tersebut yang telah disediakan akan dipecahkan kepada dua (2) peringkat iaitu –

12.1.1 “*User Acceptance Test*”(UAT)

- (i) Pemasangan prototaip sistem akan dilakukan oleh Kontraktor bagi memberi gambaran kepada pengguna terhadap sistem sebenar selepas Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut siap mengikut Jadual Pelaksanaan. Makluman pemasangan prototaip sistem hendaklah disampaikan kepada MPKj setelah ianya dilakukan.
- (ii) Kontraktor bersama pegawai teknikal MPKj secara bersama akan menguji fungsi-fungsi yang terdapat pada modul-modul yang dibangunkan atau dinaiktaraf. Jika terdapat pengubahsuaian, Kontraktor hendaklah diberikan tempoh masa yang munasabah untuk melakukannya. UAT akan diadakan semula setelah tamat tempoh pengubahsuaian Sistem tersebut.

- (iii) Pemasangan sistem sebenar akan dilakukan oleh Kontraktor setelah UAT berakhir di mana tarikh tersebut akan diambilkira sebagai **Tarikh Penerimaan Pemasangan**.

12.1.2 “*Final User Acceptance Test*” (FAT)

FAT akan diadakan setelah tamat tempoh ujian selari. MPKj akan mengadakan ujian selari bermula pada hari pertama data sebenar dijalankan ke atas modul-modul yang diaktifkan. Tempoh ujian selari adalah selama **TIGA PULUH (30) HARI** dikira dari hari pertama data sebenar berada di dalam Sistem tersebut. Sekiranya keputusan ujian selari yang dilakukan oleh MPKj berbeza dengan keputusan yang dihasilkan oleh Sistem tersebut, Kontraktor hendaklah melakukan ubahsuai kepada Sistem tersebut sehingga MPKj berpuas hati.

- 12.2 MPKj berhak melanjutkan tempoh ujian penerimaan sekiranya berlaku kegagalan teruk kepada Sistem tersebut yang telah dibangunkan atau dinaiktaraf yang menyebabkan ujian-ujian tersebut terpaksa ditangguhkan.
- 12.3 MPKj akan mengeluarkan Notis Terimaan kepada Kontraktor selepas berpuas hati bahawa Sistem tersebut telah berfungsi dengan sempurna.

KLAUSA 13 - MENAIKTARAF, HAKMILIK DAN PENDOKUMENTASIAN

- 13.1 Kontraktor dengan ini mengaku janji untuk:

- 13.1.1 bertanggungjawab sepenuhnya dalam ketepatan menyediakan/mengemas kini Sistem tersebut berdasarkan Spesifikasi Perkhidmatan/Kerja/Pembekalan;
- 13.1.2 menanggung sebarang perbelanjaan yang diperlukan untuk membuat pindaan, pembetulan ke atas Sistem tersebut jika didapati tidak menepati Spesifikasi Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan atau keperluan MPKj yang telah dipersetujui;
- 13.1.3 memberi kebenaran akses Sistem tersebut kepada MPKj termasuk semua dokumen yang berkaitan seperti manual sistem, *program listings* dan yang berkaitan;
- 13.1.4 menyediakan semua dokumen yang dinyatakan termasuk sebarang pengemaskinian, bahan sampingan atau penerbitan semakan berkaitan Sistem tersebut tanpa sebarang kos kepada MPKj;

- 13.1.5 menyerahkan **SATU (1) SALINAN** dokumen-dokumen tersebut kepada MPKj dalam bentuk *hardcopy* dan *softcopy* sebagaimana yang disyaratkan dalam dokumen Perjanjian ini; dan
- 13.1.6 sentiasa membuat laporan status berhubung dengan perjalanan pelaksanaan Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut dan pembentangan Sistem (mana-mana yang sesuai) dari semasa ke semasa. MPKj akan membantu dalam menyelaras mana-mana sesi perbincangan yang memerlukan penglibatan pihak pengguna.

KLAUSA 14 - KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN

- 14.1 Dalam Tempoh Jaminan, Kontraktor hendaklah melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan ke atas Sistem tersebut dan kesemua kos berkaitan dengan penyelenggaraan itu hendaklah ditanggung oleh Kontraktor.
- 14.2 Kontraktor hendaklah menyediakan dua jenis khidmat kerja-kerja penyelenggaraan iaitu :-

14.2.1 Khidmat penyelenggaraan untuk pemulihan:

Khidmat penyelenggaraan ini akan diberikan oleh Kontraktor apabila terdapat permintaan daripada MPKj untuk memperbaiki sebarang kerosakan pada perisian Sistem tersebut dalam tempoh **DUA PULUH EMPAT (24) JAM**, tidak termasuk cuti am, selepas Kontraktor menerima makluman kerosakan Sistem tersebut daripada MPKj. Penyelenggaraan pemulihan TERHAD kepada enam kali setahun atau mengikut apa-apa jadual yang dipersetujui oleh kedua- dua pihak;

14.2.2 Khidmat penyelenggaraan untuk pencegahan:

Khidmat penyelenggaraan ini akan dijalankan tiga kali setahun atau mengikut apa-apa jadual yang dipersetujui oleh kedua- dua pihak bagi memastikan semua perisian Sistem tersebut serta pangkalan data berada dalam keadaan sempurna.

- 14.3 Kontraktor juga hendaklah melaksanakan kerja pembaikan ke atas apa-apa kerosakan pada perisian Sistem tersebut apabila dimaklumkan oleh MPKj.
- 14.4 Kontraktor hendaklah menyimpan suatu rekod penyelenggaraan bagi setiap kerja penyelenggaraan yang dilaksanakan di bawah Perjanjian ini dan hendaklah menyerahkan satu (1) salinan rekod tersebut kepada MPKj setiap kali kerja-kerja penyelenggaraan dilaksanakan.

- 14.5 Sekiranya Kontraktor gagal melaksanakan kerja- kerja penyelenggaraan dalam tempoh yang dinyatakan, maka MPKj berhak untuk melantik pihak ketiga bagi melaksanakan kerja- kerja penyelenggaraan dan kos kerja-kerja penyelenggaraan itu hendaklah ditanggung oleh Kontraktor.
- 14.6 Kontraktor hendaklah memastikan bahawa kerja-kerja penyelenggaraan dilaksanakan oleh kakitangan yang berkelayakan dan berkemahiran.
- 14.7 Semua kerja-kerja penyelenggaraan yang dilaksanakan di premis MPKj hendaklah dilaksanakan semasa waktu pejabat. Kerja-Kerja penyelenggaraan yang dilaksanakan di luar waktu pejabat hanya boleh dilaksanakan selepas kebenaran bertulis MPKj diperolehi.
- 14.8 MPKj berhak melantik mana-mana kontraktor lain untuk menyelenggara Sistem tersebut selepas tamat Tempoh Jaminan.

KLAUSA 15 - PENAMATAN PERJANJIAN

- 15.1 Perjanjian ini boleh ditamatkan oleh mana-mana pihak melalui pemberian kepada pihak yang satu lagi, **TIGA PULUH (30) HARI** notis bertulis tentang hasratnya untuk menamatkan Perjanjian ini.
- 15.2 Kemungkinan oleh Kontraktor:

Walau apapun peruntukan **Klausa 15.1** di atas, dalam keadaan di mana Kontraktor tanpa alasan yang munasabah –

 - 15.2.1 Menangguhkan pelaksanaan Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut dan gagal untuk meneruskan pelaksanaan obligasinya dalam Perjanjian ini dengan tetap dan tekun;
 - 15.2.2 Gagal untuk melaksanakan Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perjanjian ini atau secara berterusan cuai untuk melaksanakan obligasinya di dalam Perjanjian ini;
 - 15.2.3 Ingkar melaksanakan tanggungjawabnya di dalam Perjanjian ini;
 - 15.2.4 Tidak mematuhi mana-mana obligasinya atau gagal untuk mematuhi mana-mana terma dan syarat di dalam Perjanjian ini, atau
 - 15.2.5 Gagal menyiap dan menyempurnakan Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut dalam tempoh sebagaimana yang ditetapkan dalam **Klausa 3**;

maka MPKj akan memberi notis secara bertulis kepada Kontraktor dengan memperincikan kemungkiran dan menuntut Kontraktor untuk meremedi kemungkiran tersebut dalam tempoh **TIGA PULUH (30) HARI** selepas notis diterima. Sekiranya Kontraktor gagal untuk berbuat demikian dalam tempoh yang ditetapkan atau tempoh yang dilanjutkan oleh MPKj, MPKj mempunyai hak untuk menamatkan Perjanjian ini pada bila-bila masa sebaik sahaja notis untuk berbuat demikian dikeluarkan.

15.3 Kemungkiran Umum:

Sekiranya dalam tempoh Perjanjian ini –

15.3.1 satu perintah telah dibuat atau satu resolusi telah diluluskan untuk penggulungan syarikat Kontraktor, kecuali bagi tujuan penyusunan atau penggabungan yang tidak melibatkan aset syarikat di mana kepentingan pembiutang adalah terpelihara;

15.3.2 syarikat Kontraktor dalam proses untuk likuidasi atau ‘*receiver*’ telah dilantik untuk menguruskan aset Kontraktor atau Kontraktor membuat pembahagian untuk kepentingan pembiutang atau memberhentikan pembayaran atau gagal menjelaskan hutangnya; atau

15.3.3 satu perintah Mahkamah dikeluarkan terhadap Kontraktor dan/ atau satu resolusi dibuat ke atas Kontraktor di mana kesannya adalah untuk menggulungkan syarikat Kontraktor, atau dalam keadaan di mana syarikat Kontraktor berada dalam proses pembubaruan, atau dalam keadaan di mana satu pelaksanaan hukuman telah dikenakan ke atas sebahagian besar aset Kontraktor, kecuali pelaksanaan hukuman tersebut dapat diketepikan oleh Kontraktor;

maka MPKj mempunyai hak untuk menamatkan Perjanjian ini serta-merta pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis kepada Kontraktor.

15.4 Penamatan atas kepentingan nasional:

15.4.1 Walau apapun mana-mana peruntukan Perjanjian ini, MPKj boleh menamatkan Perjanjian ini dengan memberi notis tidak kurang dari **TIGA PULUH (30) HARI** kepada Kontraktor (tanpa apa-apa tanggungjawab untuk memberi alasan bersama-sama) sekiranya MPKj mempertimbangkan bahawa penamatan tersebut adalah perlu untuk kepentingan nasional, kepentingan keselamatan nasional atau tujuan polisi awam.

15.4.2 Bagi tujuan Klausu ini, apa yang merangkumi “kepentingan nasional”, “kepentingan keselamatan nasional” atau “polisi awam” hanya akan

dibuat dan ditentukan oleh MPKj dan mutlak serta tidak boleh dicabar dalam apa jua keadaan pun.

15.5 Penamatan atas rasuah:

Tanpa prejudis kepada mana-mana hak-hak yang lain, jika sekiranya MPKj berpuas hati atas asas imbalan kebarangkalian selepas siasatan yang penuh bahawa Kontraktor, personel, orang-orang suruhan, ejen-ejen, atau pekerja-pekerja terlibat dalam rasuah berhubung dengan Perjanjian ini, MPKj akan dengan segera memberikan notis bertulis kepada Kontraktor untuk menamatkan Perjanjian ini dan berhak untuk menuntut kesemua kerugian, kos kerosakan dan perbelanjaan termasuk mana-mana kos dan perbelanjaan berkaitan yang ditanggung oleh MPKj yang timbul disebabkan oleh penamatan tersebut.

15.6 **DENGAN SYARAT SENTIASA BAHAWA** pembatalan ini tidak akan menjelas atau memprejudis hak kedua-dua pihak yang wujud sebelum tarikh penamatan Perjanjian ini dan obligasi-obligasi di dalam Perjanjian ini dalam hal-hal berkaitan dengan tindakan, surat ikatan, perkara atau hal yang berlaku sebelum penamatan Perjanjian ini akan diteruskan walaupun selepas penamatan Perjanjian ini.

15.7 Kesan penamatan:

15.7.1 Segala kuasa dan hak yang diberikan kepada kedua-dua pihak menurut peruntukan Perjanjian ini dan semua obligasi yang ditetapkan dalam Perjanjian ini hendaklah terhenti berkuatkuasa pada tarikh penamatan yang dimaksudkan.

15.7.2 Kontraktor hendaklah dengan serta-merta, pada tarikh berkuat kuasanya penamatan Perjanjian ini menghentikan pelaksanaan Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut.

15.7.3 Kontraktor hendaklah mengemukakan kepada MPKj laporan/ butir-butir lengkap mengenai bayaran bagi Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut yang telah dilaksanakannya setakat tarikh penamatan tersebut serta apa-apa bayaran lain, jika ada, yang telah terakru oleh MPKj tetapi belum dijelaskan kepada Kontraktor setakat tarikh penamatan Perjanjian ini.

15.7.4 MPKj hendaklah setelah menyemak dan mengesahkan laporan/ butir - butir tuntutan yang dikemukakan oleh Kontraktor menurut **Klausula 15.6.3** di atas, membayar kepada Kontraktor apa-apa jumlah wang yang perlu

kepada Kontraktor, tertakluk kepada apa-apa pemotongan yang berhak dibuat oleh MPKj menurut peruntukan Perjanjian ini.

15.7.5 MPKj boleh melantik mana-mana pihak lain untuk menyambung atau mengambilalih Perkhidmatan / Kerja/ Pembekalan tersebut dengan serta-merta dan pembayaran kepada pihak yang dilantik akan dibuat daripada bayaran yang sepatutnya diterima oleh Kontraktor atau bayaran mengikut syarat-syarat dan remedи yang terkandung dalam Perjanjian ini.

KLAUSA 16 - PINDAAN PERJANJIAN

16.1 Apa-apa pindaan, tambahan atau perubahan kepada Perjanjian ini hendaklah dibuat secara bertulis, disahkan dan dipersetujui oleh kedua-dua pihak dan pindaan tambahan atau perubahan tersebut hendaklah menjadi sebahagian daripada Perjanjian ini.

KLAUSA 17 - PAMPASAN (INDEMNITI)

17.1 Indemniti Am

Kontraktor hendaklah memberi pampasan dan indemniti kepada MPKj daripada dan terhadap segala bayaran tuntutan, belanja gantirugi, tanggungan kerugian atau kos perbicaraan yang mungkin ditanggung oleh atau dikenakan ke atas MPKj sebagai akibat yang langsung atau tidak langsung daripada pelanggaran apa-apa syarat Perjanjian ini oleh Kontraktor, ejen atau pekerjanya semasa melaksanakan tanggungjawab dan obligasinya di bawah Perjanjian ini

17.2 Indemniti Hak Harta Intelek

Kontraktor hendaklah menanggung rugi MPKj terhadap apa jua tindakan tentang pelanggaran apa-apa bentuk harta intelek kerana mengguna manama jua peralatan dan perisian yang dibekalkan oleh Kontraktor dalam Perjanjian ini dan terhadap segala belanja dan ganti rosak yang MPKj mungkin lakukan dalam sesuatu tindakan kerana pelanggaran itu atau yang MPKj mungkin bertanggungjawab dalam sesuatu tindakan itu **DENGAN SYARAT** sentiasanya ganti rugi tidaklah dikenakan terhadap apa-apa juga pelanggaran yang disebabkan oleh Kontraktor kerana telah menurut reka bentuk atau arahan yang diberi oleh MPKj.

17.3 MPKj hendaklah memberi notis kepada Kontraktor mengenai apa-apa tindakan yang diambil oleh pihak ketiga terhadapnya dan Kontraktor hendaklah—

- 17.3.1 diberi pilihan untuk menjawab tuntutan tersebut termasuk pilihan untuk membuat rundingan bagi suatu penyelesaian sebelum perkara tersebut dibawa ke mahkamah; dan
- 17.3.2 mengubah suai atau mengganti peralatan atau perisian tersebut dan Kontraktor hendaklah memberi pampasan kepada MPKj dalam masa pengubahsuaian atau penggantian tersebut; atau
- 17.3.3 hendaklah terus mendapatkan hak bagi MPKj untuk menggunakan peralatan atau perisian yang terlibat dalam pelanggaran tersebut, atas tanggungan Kontraktor sendiri.
- 17.3.4 Indemniti yang diperuntukkan dalam Klausu ini hendaklah terus wujud selepas penamatan atau peluputan Perjanjian ini.

KLAUSA 18 - PENAFIAN

- 18.1 Kegagalan mana-mana pihak menjalankan atau menguatkuasakan mana-mana hak, remedи atau peruntukan di bawah Perjanjian ini pada bila-bila masa, tidak akan terjumlah kepada suatu penafian hak pihak yang satu lagi, dan tidak akan menjaskan kesahihan keseluruhan atau sebahagian daripada Perjanjian ini serta tidak juga menjaskan hak kedua-dua pihak untuk mengambil tindakan selanjutnya.

KLAUSA 19 - KERAHSIAAN

- 19.1 Kedua-dua pihak kepada Perjanjian ini mengaku janji –
 - i. untuk menganggap apa-apa maklumat yang melibatkan Perjanjian ini sebagai rahsia;
 - ii. untuk tidak akan, tanpa kebenaran bertulis pihak yang satu lagi, berkomunikasi atau memberitahu mengenai mana-mana bahagian daripada maklumat rahsia tersebut kepada mana-mana orang kecuali kepada mana-mana pekerjanya, ejen dan subkontraktor yang terlibat secara langsung dengan Perjanjian ini dan yang perlu mengetahui maklumat rahsia itu bagi maksud memenuhi kewajipan Kontraktor di bawah Perjanjian ini;
 - iii. untuk tidak menggunakan atau menyebarkan maklumat rahsia dalam organisasi mana-mana pihak kecuali jika ia adalah perlu di bawah Perjanjian ini dan selepas mendapat kebenaran bertulis daripada pihak yang satu lagi.

- 19.2 Kewajipan yang dinyatakan dalam **Klausula 19.1(ii)** diatas tidak akan terpakai kepada maklumat rahsia yang mana maklumat itu telah pun diketahui oleh mana-mana pihak itu (dengan mempunyai hak untuk mendedahkannya) sebelum menerima maklumat rahsia tersebut.
- 19.3 Kontraktor hendaklah memastikan tempat simpanan yang selamat dan baik kepada maklumat rahsia tersebut dan hendaklah menyimpan rekod maklumat rahsia untuk dikembalikan kepada MPKj bersama-sama salinan maklumat rahsia tersebut dan Kontraktor mengaku janji akan memadam atau memusnahkan semua maklumat rahsia yang terkadung dalam mana-mana fail computer, ‘work processor’, disket, cakera padat dan mana-mana tempat atau alat simpanan maklumat.

KLAUSA 20 – KEGUNAAN DATA PERIBADI

- 20.1 Pihak-Pihak mengaku janji akan pada setiap masa mematuhi undang-undang yang terpakai, peraturan-peraturan dan kaedah-kaedah lain yang mempunyai kuasa bersamaan termasuk Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (selepas ini dirujuk sebagai “**Undang-undang Berkaitan**”).
- 20.2 Bagi maksud Perjanjian ini, istilah “**Subjek Data**”, “**Pemprosesan**” dan “**Data Peribadi**” hendaklah mempunyai erti yang sama seperti yang disifatkan di dalam Akta Perlindungan Peribadi 2010.
- 20.3 Berhubung dengan perlindungan data, kedua-dua pihak hendaklah, sebagai tambahan kepada tugas dan tanggungjawab di dalam Perjanjian ini dan tanpa menjelaskan apa-apa peruntukan lain di dalam Perjanjian ini;
- Memproses apa-apa Data Peribadi mengikut terma Undang-undang Berkaitan;
 - mematuhi hak-hak individu yang berkaitan dengan Perjanjian ini seperti yang dikehendaki di bawah Undang-undang Berkaitan;
 - memindahkan Data Peribadi mengikut peruntukan-peruntukan yang berkenaan dengan Undang-undang Berkaitan;
 - tidak melakukan apa-apa tindakan berkaitan dengan Data Peribadi yang boleh menyebabkan pihak yang lain melanggar mana-mana syarat di bawah Undang-undang Berkaitan yang berkuat kuasa.
- 20.4 Dengan menandatangani Perjanjian ini, MPKj dengan ini mengakui dan memberi kebenaran kepada mana-mana Pemprosesan Data Peribadi yang berkaitan dengan Perjanjian ini oleh Kontraktor dan semua anak syarikat dan/ atau syarikat-syarikat bersekutunya (jika diperlukan). Walau bagaimanapun, MPKj boleh menarik balik kebenaran tersebut dengan memberikan notis bertulis kepada Kontraktor dan semua anak syarikat dan/ atau syarikat-syarikat bersekutunya (jika diperlukan).

- 20.5 Pihak-pihak dengan ini mengesahkan dan mengaku janji untuk mengambil langkah-langkah sewajarnya serta prosedur keselamatan yang mencukupi sepanjang tempoh Perjanjian ini, terhadap akses kepada Data Peribadi oleh pihak yang tidak dibenarkan, proses yang menyalahi undang-undang, kemusnahan, kerugian, kerosakan bagi mengelakkan Pemprosesan dan penzahiran Data Peribadi oleh pihak tersebut.
- 20.6 Tiada pihak yang dibenarkan untuk menggunakan mana-mana Data Peribadi yang diterima berkaitan dengan Perjanjian ini selain daripada untuk memenuhi obligasi di bawah Perjanjian ini dan mematuhi Undang-undang Berkaitan.
- 20.7 Jika berlaku penamatkan Perjanjian ini bagi apa-apa sebab sekalipun, kedua-dua pihak adalah serta-merta terhenti mempunyai hak untuk mengakses Data Peribadi yang diterima di bawah Perjanjian ini dan hendaklah memusnahkan dan/ atau memadam Data Peribadi tersebut. Kedua-dua pihak tidak dibenarkan menggunakan atau mencipta semula Data Peribadi, kecuali dengan kebenaran bertulis daripada Subjek Data.

KLAUSA 21 - FORCE MAJEURE

- 21.1 MPKj dan Kontraktor adalah tidak bertanggungjawab bagi sebarang kegagalan atau ketinggalan dalam melaksanakan Perjanjian ini, akibat daripada keadaan 'force majeure' seperti rusuhan, kekacauan awam, keganasan, sabotaj, kemusnahan akibat jenayah, letupan nuklear, radioaktif, mogok, kebakaran, taufan, peperangan, bahaya laut, kejadian semula jadi termasuk gempa bumi, banjir, pandemik, epidemik, wabak penyakit tempatan, darurat kesihatan awam, kuarantin atau kerana sebab-sebab atau bahaya yang di luar kawalan pihak-pihak kepada Perjanjian ini.
- 21.2 Jika berlakunya keadaan 'force majeure' atas alasan mana-mana pihak tidak dapat menunaikan kewajipannya di bawah Perjanjian ini, maka pihak yang terlibat hendaklah memberitahu pihak yang satu lagi dalam tempoh semunasabah mungkin selepas berlakunya keadaan 'force majeure' tersebut dan hendaklah menggunakan apa cara sekalipun bagi memitigasikan sebarang kelewatan atau gangguan dalam melaksanakan Perjanjian ini.
- 21.3 Bagi mengelakkan sebarang keraguan, pihak-pihak kepada Perjanjian ini hendaklah terus melaksanakan kewajipannya di bawah Perjanjian ini yang tidak terjejas akibat keadaan 'force majeure'.

KLAUSA 22 - JAWATANKUASA PENYELESAIAN PERTIKAIAN

- 22.1 Apa-apa perkara, pertikaian, perbezaan atau tuntutan berkenaan dengan apa-apa perkara yang timbul dari atau berkaitan dengan Perjanjian ini hendaklah dirundingkan terlebih dahulu antara kedua-dua pihak.

- 22.2 Sekiranya apa-apa perkara, pertikaian, perbezaan atau tuntutan tidak boleh diselesaikan secara baik oleh pihak-pihak yang berkenaan, ia boleh dirujuk oleh mana-mana pihak kepada Jawatankuasa Penyelesaian Pertikaian yang terdiri daripada:-
- Seorang (1) wakil ketua/ Ketua Pengarah/ Pengarah sebagai pengurus bebas yang hendaklah saling ditentukan oleh pihak-pihak;
 - Seorang (1) wakil yang dilantik oleh Kontraktor; dan
 - Seorang (1) wakil yang dilantik oleh MPKj.
- 22.3 Jawatankuasa Penyelesaian Pertikaian hendaklah menentukan tatacaranya tersendiri. Jawatankuasa Penyelesaian Pertikaian hendaklah bertemu dan berusaha untuk mencapai penyelesaian secara damai di antara pihak-pihak berkenaan dengan apa-apa perkara yang dirujuk kepadanya.
- 22.4 Jika apa-apa perkara, pertikaian, perbezaan atau tuntutan yang boleh dirujuk kepada Jawatankuasa Penyelesaian Pertikaian tidak dapat dipersetujui oleh pihak-pihak berkenaan, salah satu pihak boleh merujuk perkara, pertikaian atau tuntutan tersebut kepada mahkamah yang mempunyai bidang kuasa dalam tempoh empat belas (14) hari daripada tarikh keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Penyelesaian Pertikaian.
- 22.5 Setiap ahli Jawatankuasa Penyelesaian Pertikaian termasuk Pengurus hendaklah mempunyai satu undi masing-masing. Apa-apa keputusan Jawatankuasa Penyelesaian Pertikaian hendaklah mengikat pihak-pihak.

KLAUSA 23 - PELAKSANAAN SPESIFIK

- 23.1 Sekiranya mana-mana pihak kepada Perjanjian ini melanggar sebarang peruntukan dalam Perjanjian ini, maka dengan ini dipersetujui bahawa tanpa prejudis terhadap mana-mana hak atau remedi pihak yang satu lagi di bawah Perjanjian ini, pihak yang satu lagi itu berhak mengambil tindakan undang-undang untuk menguatkuasakan pelaksanaan spesifik bagi Perjanjian ini terhadap mana-mana pihak yang ingkar itu dan segala kos serta perbelanjaan yang berkaitan dengannya hendaklah ditanggung dan dibayar oleh pihak yang ingkar itu.

KLAUSA 24 - PERUNTUKAN AM

24.1 Notis

- (i) Mana-mana notis, permintaan, kebenaran, permohonan atau komunikasi lain yang diperlukan atau perlu diberi atau dibuat di bawah Perjanjian ini hendaklah secara bertulis dan diserahkan ke alamat atau nombor faksimili mana-mana pihak dalam Perjanjian ini dan akan, kecuali dinyatakan sebaliknya, dianggap telah diserah atau diberi, sekiranya telah dihantar ke alamat atau melalui nombor faksimili kepada MPKj sepertimana butir-butir yang dinyatakan dalam **Perkara 3 Jadual Pertama** Perjanjian ini dan kepada Kontraktor sepertimana butir-butir yang dinyatakan dalam **Perkara 4 Jadual Pertama** Perjanjian ini.
- (ii) Adalah menjadi tanggungjawab kedua belah pihak kepada Perjanjian ini untuk memaklumkan kepada pihak yang satu lagi sekiranya terdapat pertukaran alamat atau perubahan entiti dengan memberi notis secara bertulis dalam tempoh empat belas (14) hari daripada tarikh pertukaran atau perubahan tersebut.

24.2 Undang-Undang Yang Terpakai Bagi Perjanjian

Perjanjian ini adalah tertakluk kepada undang-undang Malaysia dan kedua belah pihak kepada Perjanjian ini adalah terikat kepada bidangkuasa mahkamah di Malaysia.

24.3 Dokumen Perjanjian

Semua lampiran dan jadual yang disertakan hendaklah dibaca dan ditafsirkan sebagai kandungan Perjanjian ini.

24.4 Pemindahan Hak Milik

Sistem tersebut adalah hak milik MPKj dan akan dipindahkan sepenuhnya kepada MPKj selepas bayaran penuh Nilai Kontrak bagi Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut dibuat oleh MPKj dan Sistem tersebut telah dipasang, dinaiktaraif, diuji dan ditauliahkan.

24.5 Ketaksahan

Sekiranya terdapat mana-mana peruntukan di dalam Perjanjian ini diputuskan sebagai tidak sah atau bertentangan dengan sebarang undang-undang dan tidak boleh dikuat kuasakan, maka keesahan peruntukan lain di dalam

Perjanjian ini tidak akan terjejas dan akan dikuat kuasa dan dilaksanakan seterusnya.

24.6 Serah Hak

Melainkan dengan persetujuan bertulis daripada MPKj, Kontraktor hendaklah tidak menyerah hak atau memindahkan faedah atau obligasi di bawah Perjanjian ini atau mana-mana bahagian daripadanya bagi melaksanakan Perjanjian ini.

24.7 Pemajakan Dan Kontrak Kecil

Kontraktor tidak boleh memajakkan atau membuat atau memberi kontrak kecil terhadap Perjanjian ini atau apa-apa bahagiannya dengan tidak terlebih dahulu mendapat persetujuan bertulis daripada MPKj.

24.8 Iklan

Iklan-iklan mengenai Perjanjian ini tidak boleh disiarkan dalam sebarang akhbar, majalah atau pengiklanan lain tanpa kelulusan bertulis daripada MPKj.

24.9 Masa

Masa hendaklah menjadi intipati dalam Perjanjian ini.

24.10 Penguat kuasaan Terhadap Pengganti

Perjanjian ini hendaklah mengikat pihak-pihak, wasi-wasi, pentadbir-pentadbir, pengganti-pengganti dalam milik pihak-pihak.

[Ruang ini sengaja dikosongkan]

-RUANGAN INI SENGAJA DIKOSONGKAN-

PADA MENYAKSIKAN HAL DI ATAS Pihak-Pihak kepada Kontrak ini telah menurunkan tandatangan dan meterai mereka masing-masing pada hari dan tahun yang mula-mula tertulis di atas.

Ditandatangani untuk dan bagi pihak
MPKj

)
)

.....
Nama:
No. Kad Pengenalan:
Jawatan: Yang Dipertua

di hadapan

)
)
)

.....
Nama:
No. Kad Pengenalan
Jawatan: Setiausaha

)
)
)

.....
Nama:
No.Kad Pengenalan:
Jawatan: Ahli Majlis

Ditandatangani untuk dan bagi pihak
KONTRAKTOR

)
)

.....
Nama:
No.Kad Pengenalan:
Jawatan:

di hadapan

)
)
)

.....
Nama:
No.Kad Pengenalan:
Jawatan:

-RUANGANINI SENGAJA DIKOSONGKAN-

JADUAL PERTAMA

(Jadual ini hendaklah diambil, dibaca dan difahamkan sebagai bahagian penting Perjanjian ini)

PERKARA	ITEM	BUTIRAN
Perkara 1	No. Kontrak
Perkara 2	Tarikh Perjanjian	Haribulan Tahun
Perkara 3	MPKj	MAJLIS PERBANDARAN KAJANG (MPKj) Menara MPKj Jalan Cempaka Putih, Off Jalan Semenyih, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan. Tel : 03-8737 7899 / 8737 1789 Faks : 03-8737 7897 / 8733 1270 No. Fail :
Perkara 4	Kontraktor	Nama : No. Syarikat/ No. Pendaftaran Perniagaan: Alamat Perniagaan : No. Tel : No. Faks : Emel :

JADUAL PERTAMA

(Jadual ini hendaklah diambil, dibaca dan difahamkan sebagai bahagian penting Perjanjian ini)

PERKARA	ITEM	BUTIRAN
Perkara 5	Perkhidmatan/Kerja/ Pembekalan
Perkara 6	Tarikh Surat	Surat Setuju : Terima Surat Akuan Penerimaan :
Perkara 7	Sistem
Perkara 8	Nilai Kontrak	Ringgit Malaysia :
Perkara 9	Tempoh Perjanjian Bulan atau Tahun Selepas Notis Terimaan Dikeluarkan Kepada Kontraktor Mana-Mana Terkemudian Bermula : Tamat :
Perkara 10	Bon Pelaksanaan	Ringgit Malaysia :

(Bersamaan 2.5% daripada Nilai Kontrak)

JADUAL PERTAMA

(Jadual ini hendaklah diambil, dibaca dan difahamkan sebagai bahagian penting Perjanjian ini)

PERKARA	ITEM	BUTIRAN
Perkara 11	Formula Kenaan Ganti Rugi	$\frac{V(T+D) \times 5\%}{T}$ <p>Catatan :</p> <p>V : Nilai harga bekalan yang lewat dibekalkan T : Tempoh bekalan mengikut kontrak dalam hari D : Bilangan hari yang lewat</p>
Perkara 12	Tempoh JaminanBulan atau Tahun Selepas Notis Terimaan Dikeluarkan Kepada Kontraktor Mana-Mana Terkemudian Bermula :

LAMPIRAN A

**SALINAN SURAT SETUJU TERIMA DAN SURAT
AKUAN PENERIMAAN**

LAMPIRAN B

JADUAL BAYARAN

LAMPIRAN C

JADUAL PELAKSANAAN

LAMPIRAN D

SPESIFIKASI PERKHIDMATAN/ KERJA/ PEMBEKALAN

LAMPIRAN E

SYARAT-SYARAT TAMBAHAN (JIKA ADA)

